

BAB 4

MASALAH DALAM AKTIVITI DAKWAH TERHADAP SAUDARA BARU DI JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (JAWI)

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan mengenai masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan aktiviti dakwah terhadap saudara baru di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Masalah utama yang dihadapi dalam pelaksanaan aktiviti dakwah tersebut akan dibincangkan dalam bab ini dan dikemukakan secara umum dan khusus bagi menjelaskan masalah-masalah tersebut. Justeru, struktur kajian di dalam bab ini ialah pendahuluan masalah saudara baru, masalah pendakwah, masalah penganjur dan kesimpulan.

4.2 Masalah Saudara Baru

Saudara baru ialah sasaran yang mengikuti apa jua bentuk aktiviti atau program yang dijalankan oleh institusi dakwah. Setiap aktiviti atau program yang dijalankan amat memerlukan kehadiran atau penyertaan mereka. Kehadiran mereka dapat memberikan gambaran awal sama ada aktiviti tersebut berjaya atau tidak. Menurut Md. Tahir Md. Yusoff, *kehadiran saudara baru amat diperlukan semasa aktiviti tetap dijalankan seperti kelas-kelas pengajian, bahkan mereka tetap diperlukan semasa aktiviti bermusim dijalankan.*¹

¹Temu bual dengan Md. Tahir Md. Yusoff di JAWI, jam 11:15 pagi, pada 20 November 2010. Beliau adalah seorang pendakwah (mubaligh) yang berkhidmat di Unit/Cawangan Saudara Baru JAWI dari tahun 2006 hingga akhir November (2010), di sebabkan umur melebihi 60 tahun. Beliau ditugaskan sebagai kaunselor, fasilitator dalam aktiviti pengisian ilmu dan aktiviti kebajikan.

Meskipun menyadari kepentingan mereka dalam sesuatu aktiviti, namun *mereka sering menimbulkan masalah yang berlarutan.*² Lantaran itu, masalah kehadiran peserta yang tidak konsisten juga boleh dianggap sebagai igauan buruk dalam pelaksanaan sesuatu aktiviti dakwah. Setiap aktiviti dakwah yang dijalankan tidak terlepas daripada masalah berikut:

4.2.1 Masalah Saudara Baru Tidak Komited

Para pendakwah hendaklah memberi komitmen kepada saudara baru yang sentiasa berubah. Kalau dakwah tidak disesuaikan dengan suasana perubahan, maka dengan sendirinya kegiatan dakwah menjadi bermasalah dan mundur. Mohamad Ab. Rahman, *pendakwah mestilah seorang yang berilmu, jujur, berdisiplin, amanah dan cekap supaya dapat menarik minat saudara baru untuk menghadiri majlis-majlis yang dianjurkan.*³

Masalah saudara baru tidak komited terhadap kelas-kelas pengajian atau majlis-majlis keagamaan yang dianjurkan oleh pihak JAWI adalah merupakan satu masalah yang sangat sukar diatasi oleh pihak penganjur, menurut beliau *walaupun diberi kemudahan pengangkutan dan elaun tetapi sambutan terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan tetap hambar.*⁴

Ketika mengikuti aktiviti pengisian ilmu terhadap saudara baru di JAWI, pengkaji melakukan pemerhatian terhadap masalah yang timbul dalam kalangan peserta dan mendapati bahawa kehadiran peserta ke kelas adalah tidak sama. Kelas tersebut bermula pada jam sembilan pagi, tetapi masih ramai peserta yang lewat. Dalam

²*Ibid.*

³*Ibid.*

⁴Temu bual dengan Mohamad Ab. Rahman di JAWI, jam 10: 40 pagi, pada 25 Ogos 2009. Beliau adalah salah seorang Mubaligh Unit/Cawangan Saudara Baru/Muslim JAWI, berkhidmat dari 2001 hingga Disember 2009 di sebabkan umur melebihi 60 tahun. Beliau berpengalaman luas mengenai saudara baru dan menjadi rujukan serta kaunselor di unit tersebut.

pemerhatian, didapati terdapat peserta yang terlewat sehingga dua jam selepas kelas bermula. Waktu kehadiran peserta yang tidak konsisten ini akan mengganggu proses pembelajaran mereka yang hadir lebih awal daripada mereka. Ia juga turut mengganggu proses penyampaian maklumat oleh tenaga pengajar.

Menurut Zalina Abdullah, *masih ramai saudara baru yang lewat untuk hadir ke kelas-kelas pengajian. Jelasnya lagi, mereka yang lewat hadir ke kelas pengajian mengganggu pembelajaran.*⁵

Mohamad Ab. Rahman menjelaskan, *terdapat sebahagian daripada saudara baru tidak hadir ke kelas pengajian seperti mana yang telah ditetapkan. Kelewatan mereka dalam satu-satu masa menyebabkan suasana pengajian agak kurang memberangsangkan. Hal ini juga menyebabkan pelajaran terjejas dan tidak seperti mana yang telah dirancang. Ada mengambil ringan dengan aktiviti yang dijalankan kerana mereka sibuk keperluan mereka, bahkan ada yang menghitung dengan untung rugi keduniaan.*⁶

Roslinda Abdullah pula menyatakan, *sebab tidak hadir saudara baru ke kelas pengajian kerana susah untuk memahami al-Quran yang menggunakan bahasa Arab. Ini membuatkan mereka kurang berminat untuk mengikutinya.*⁷

Kesimpulannya, dari keterangan di atas jelas menunjukkan bahawa masalah saudara baru tidak komited haruslah ditangani dengan seberapa segera dan disesuaikan dengan suasana perubahan semasa, maka dengan sendirinya kegiatan aktiviti dakwah

⁵Temu bual dengan Zalina Abdullah di JAWI, jam 11:18 pagi, pada 21 Mac 2010. Berasal dari Puchong, Selangor. Memeluk Islam Jun 2001 di JAWI dengan sebab tertarik dengan keindahan Islam.

⁶Temu bual dengan Mohamad Ab. Rahman di JAWI, jam 10: 40 pagi, pada 25 Ogos 2009.

⁷Temu bual dengan Roslinda Abdullah di JAWI, jam 10:50 pagi, pada 22 September 2009, beliau adalah saudara baru berbangsa Cina yang berasal dari Cheras, Kuala Lumpur.

dapat menarik minat mereka untuk menyertai mana-mana aktiviti atau program yang dianjurkan.

4.2.2 Masalah Tingkah Laku Negatif Saudara Baru

Masalah tingkah laku negatif saudara baru sering wujud dalam institusi dakwah kerana terpengaruh dengan budaya kehidupan tempatan dan barat. Mereka yang masih terpengaruh dengan budaya kehidupan tepatan iaitu budaya tradisi dan adab resam yang menyimpang dari ajaran Islam adalah disebabkan oleh budaya tersebut telah diwarisi sejak turun temurun dari satu generasi ke generasi yang lain sehingga ia telah menjadi sebatian dalam kehidupan mereka.⁸

Menurut Johar Yasan, *warisan peninggalan masyarakat bukan Islam masih wujud di dalam diri saudara baru, ini menimbulkan masalah di dalam dakwah kerana mereka masih sukar untuk membezakan antara kebenaran dan kebatilan.*⁹

Zalina Abdullah menjelaskan, *ada segelintir saudara baru berpendapat bahawa akhlak dan moral mereka bukan datang dari ajaran Islam, tetapi datangnya dari pendidikan falsafah Confucianisme iaitu tingkah laku yang baik, ketaatan, tatasusila, kasih sayang dan sebagainya.*¹⁰ Kajian ini mendapati, timbulnya fahaman demikian membuatkan mereka tidak mengambil berat mengenai tuntutan ajaran Islam. Tanggapan demikian, menjadikan konsep mereka terhadap Islam tidak menepati.

⁸Temu bual dengan Ustaz Mohamad Ab. Rahman di JAWI, jam 10:40 pagi, pada 25 Ogos 2009.

⁹Temu bual dengan Johar Yasan di JAWI, jam 11:25 pagi, pada 28 Mac 2010, beliau adalah seorang pendakwah (mubaligh) yang berkhidmat di Unit/Cawangan Saudara Baru JAWI dari tahun 2008 hingga sekarang (2010).

¹⁰Temu bual dengan Zalina Abdullah di JAWI, jam 11:18 pagi, pada 21 Mac 2010.

Menurut Suriyani Ahmad, *ada yang menganggap agama Islam sebagai tempat bergantung untuk menenangkan fikiran ketika dalam keadaan susah dan sakit. Jelasnya lagi, ada yang menganggap agama Islam tidak maju kerana orang Islam malas, sentiasa bergantung pada pihak berkuasa.*¹¹

Berdasarkan masalah di atas, dapat disimpulkan bahawa saudara baru perlu dijelaskan mengenai ajaran Islam yang sebenar agar mereka tidak terikat dengan amalan budaya kehidupan tempatan iaitu budaya tradisi dan adab resam yang menyimpang dari ajaran Islam, diwarisi sejak turun temurun serta tidak terpengaruh dengan budaya barat dalam kehidupan harian mereka. Kajian ini juga menyarankan agar diadakan motivasi khusus bulanan agar mereka dapat memahami dengan lebih jelas akan kebenaran Islam.

4.2.3 Masalah Pemelukan Islam Kerana Ada Kepentingan Tertentu

Faktor pemelukan Islam saudara baru kerana kepentingan tertentu adalah bersifat subjektif. Ia amat membimbangkan dan perlu diberi perhatian dengan sewajarnya kerana kebanyakan mereka sering menimbulkan masalah dan mendatangkan kerumitan dari pelbagai sudut termasuk dalam aktiviti-aktiviti dakwah yang diprogramkan.¹²

Menurut Mohamad Ab. Rahman, *antara masalah yang dikenal pasti bahawa terdapat saudara baru mengambil kesempatan untuk melepaskan diri daripada tindakan undang-undang kerana melakukan kesalahan atau jenayah. Mereka memilih Islam kerana terdapat perubahan pada nama, mendapat pembelaan, mencari simpati*

¹¹ Temu bual dengan Suriyani Ahmad di JAWI, jam 10:50 pagi, pada 28 September 2010. Beliau berketurunan Kadazan yang berasal dari Sabah dan sekarang menetap di Pandan Jaya, Cheras. Beliau memeluk Islam pada 8 Disember 2009.

¹² Temu bual dengan Khairunnisak Ab. Halim di JAWI, jam 11:00 pagi, pada 23 Mei 2010. Beliau adalah penolong pengarah di Unit/Cawangan Saudara Baru/Muslim JAWI dari tahun 2003 hingga sekarang (2010). Berasal dari Seberang Perai, Pulau Pinang.

*daripada masyarakat Islam dan sebagainya. Terdapat golongan ini menghadiri aktiviti-aktiviti dakwah, tetapi hadir mereka berkepentingan.*¹³

Md. Tahir bin Md. Yusoff pula menjelaskan, *terdapat saudara baru yang menganggap memeluk Islam itu membawa erti masuk Melayu. Segala hak keistimewaan orang Melayu, mereka layak menikmatinya ataupun mengambil kesempatan dengannya. Setelah mereka dapati anggapan mereka salah, maka dari situlah mereka mula jauhkan diri dari aktiviti dakwah yang disediakan kepada mereka.*¹⁴

Md. Zanafi Mustafa turut menyatakan, *kebanyakan masalah penceraian yang berlaku hasil dari perkahwinan yang berkepentingan seperti tertarik dengan gadis Melayu, untuk menetap di Malaysia dan sebagainya. Golongan ini sukar dibimbing dan dibentuk dengan program yang sedia ada kerana jiwa mereka masih yakin dengan agama asalnya.*¹⁵

Kesimpulannya, masalah-masalah yang dinyatakan di atas tidak seharusnya dipandang ringan kerana kesannya sangat besar bukan sahaja kepada aktiviti dakwah bahkan kepada agama Islam kerana mereka boleh meninggalkan Islam (murtad) sekiranya tidak dapat apa yang dikehendaki. Kajian ini juga mendapati untuk mengatasi masalah pemeluk Islam kerana kepentingan, haruslah mengenal pasti mereka supaya diberikan kursus atau bengkel khas agar mereka dapat memahami Islam dengan lebih dekat, jelas dan bahayanya meninggalkan Islam.

¹³Temu bual dengan Mohamad Ab. Rahman di JAWI, jam 11:05 pagi, pada 24 September 2009.

¹⁴Temu bual dengan Md. Tahir Md. Yusoff di JAWI, jam 11:05 pagi, pada 22 Nov 2010.

¹⁵Temu bual dengan Md. Zanafi Mustafa di JAWI, jam 11:10 pagi, pada 20 Oktober 2009. Beliau adalah seorang pendakwah (mubaligh) yang berkhidmat di Unit/Cawangan Saudara Baru JAWI dari tahun 2008 hingga sekarang (2010).

4.3 Masalah Pendakwah

Setiap umat Islam secara automatik adalah sebagai pendakwah dan berkewajipan membina masyarakat supaya sesuai dengan ajaran Islam.¹⁶ Bagi pendakwah yang ditugaskan untuk menyampaikan mesej atau misi dakwah Islam di Unit Saudara Baru JAWI, jangan menimbulkan masalah yang akan mencemarkan nama baik pendakwah itu sendiri kerana pendakwah berkewajipan menyebarkan Islam secara terbuka dan berterus terang untuk didengar, dilihat, dikaji, ditimbang oleh mereka yang baru menganut Islam iaitu saudara baru.¹⁷

Justeru itu, kajian ini telah mengenal pasti masalah-masalah pendakwah untuk dikemukakan. Masalah-masalah tersebut boleh diklasifikasikan kepada tiga masalah iaitu masalah pendakwah tidak komited, masalah tingkah laku negatif pendakwah dan masalah pendakwah berkaitan dengan institusi dakwah.

4.2.1 Masalah Pendakwah Tidak Komited

Terdapat beberapa sebab dikenal pasti yang menyebabkan pendakwah tidak komited atau konsisten untuk melakukan dakwahnya. Antaranya adalah disebabkan pangkat, elaun rendah dan masalah teknikal. Akibat wujudnya perasaan begini, ia akan mendorong seseorang untuk membatasi kegiatan dakwahnya. Sikap ini mendorong pendakwah tidak aktif menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan, tiada inisiatif dan tidak mengambil bahagian dalam tugas yang diberikan jika pun ada hanya bekerja sambil lewa walaupun sudah lama bersama mereka.¹⁸

¹⁶Fariza Md. Sham *et. al* (2006), *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 8.

¹⁷Temu bual dengan Khairunnisak Ab. Halim, jam 11:00 pagi, pada 23 Mei 2010.

¹⁸Masyhūr, Mustafā (1995), *Min Fiqh al-Da'wah*, j. 2, T. tp: Dār al-Tāwzi' wa al-Nasyr al-Islam, h. 59.

Mohamad Ab. Rahman menjelaskan bagi elemen yang menunjukkan pendakwah atau mubaligh tidak komited ialah *ponteng, mereka tidak membuat kerja dengan betul, kurang mengambil bahagian atau penumpuan kepada saudara baru, menangguhkan sesuatu program dan tidak menunjuk minat untuk mengembangkan Islam kepada saudara baru.*¹⁹

Menurut Khairunnisak, *punca pendakwah tidak komited ialah kerana mereka tidak meningkatkan teknik penyampaian, tiada inisiatif dan tiada kepakaran untuk mengajak saudara baru kepada Islam kerana tiada pilihan pekerjaan.* Menurutnya lagi *terdapat juga pendakwah yang tidak dapat menyampaikan kuliah yang bersistematik membuatkan mereka menjadi tidak komited.*²⁰

Johar Yasan berpendapat, *pendakwah mestilah menghadiri kursus-kursus yang telah disediakan supaya mereka menjadi pendakwah yang terlatih, memberi pengajaran yang mencukupi sebagaimana yang diamanahkan kepada mereka untuk membimbing golongan ini dengan penuh penumpuan dan dedikasi.*²¹

Menurut Muhammad Yusof Abdullah, *pendakwah yang tidak memberi komitmen terhadap aktiviti dakwah disebabkan mereka jemu terhadap saudara baru kerana mereka sering kali menimbulkan masalah-masalah sama ada kecil ataupun besar terutamanya dalam hal keperluan harian contohnya seperti ingin meminjam wang dan sebagainya.*²²

¹⁹Temu bual dengan Mohamad Ab. Rahman di JAWI, jam 11:05 pagi, pada 24 September 2009.

²⁰Temu bual dengan Khairunnisak Ab. Halim di JAWI, jam 11:00 pagi, pada 23 Mei 2010.

²¹Temu bual dengan Johar Yasan di JAWI, jam 11:25 pagi, pada 28 Mac 2010.

²²Temu bual dengan Muhammad Yusof Abdullah di JAWI, jam 11:00 pagi, pada 29 September 2010. Beliau adalah saudara baru berketurunan India yang berasal dari Kuala Lumpur. Beliau berkhidmat sebagai sukarelawan Polis dan RELA. Memeluk Islam pada tahun 2000 di JAWI dengan sebab tertarik dengan masyarakat Islam di Malaysia.

Semasa kajian dilakukan pada aktiviti pengisian ilmu, didapati pendakwah menggunakan kokurikulum yang sama pada setiap kali aktiviti ini dijalankan. Ini juga boleh membuatkan mereka jemu dan tidak komited dengan aktiviti tersebut.

Berdasarkan keterangan di atas dapat disimpulkan bahawa masalah pendakwah tidak komited dalam melaksanakan aktiviti dakwah terhadap saudara baru merupakan masalah utama kerana dakwah tidak akan berfungsi dengan baik sekiranya pendakwah tidak komited dengan tugasnya. Sebagai pendakwah perlulah prihatin demi kelancaran aktiviti dakwah yang telah diprogramkan. Justeru itu, pendakwah juga perlu dipantau dari masa ke semasa supaya mereka melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin. Sekiranya tidak melakukan pemantauan, dibimbangi mereka tidak bekerja atau bekerja sambil lewa sahaja.

Dari segi kokurikulum pula, perlu dikemas kini dari masa ke semasa agar ia dapat menarik minat mereka untuk mengikuti setiap aktiviti yang dijalankan. Kajian ini mendapati untuk mengatasi masalah ini hendaklah diadakan post-mortem pada setiap bulan untuk mencari satu alternatif bagi memastikan keberkesanan aktiviti tersebut.

4.2.2. Masalah Tingkah Laku Negatif Pendakwah

Terdapat segelintir pendakwah yang melakukan tingkah laku negatif yang ditunjukkan kepada saudara baru seperti menabur janji manis tetapi tidak menunaikannya, menunjukkan sifat ego di hadapan mereka dan sebagainya.²³

²³Temu bual dengan Johar Yasan di JAWI, jam 11:25 pagi, pada 28 Mac 2010.

Menurut Md. Tahir bin Md. Yusoff, *pendakwah mestilah menjaga tingkah laku yang baik supaya dapat meyakinkan kepercayaan saudara baru. Kepercayaan akan hilang sekiranya pendakwah bersikap negatif. Contohnya, jika memberi sesuatu bantuan ataupun mengadakan sesuatu aktiviti maka pendakwah hendaklah berkata insyaAllah kita akan berusaha untuk memberi atau mengadakan aktiviti.*²⁴

Selain daripada itu, terdapat segelintir dalam kalangan pendakwah *mengganggu saudara baru dari sudut memerhati yang keterlaluan dan sindiran*. Walaupun individu tertentu yang diberi tumpuan, namun hal sebegini akan mengganggu kelancaran aktiviti tersebut kerana lari dari prinsip dakwah Islamiah.²⁵

Dari keterangan di atas dapat disimpulkan bahawa pendakwah tidak sewajarnya melakukan tingkah laku negatif yang boleh menyebabkan hilangnya kepercayaan saudara baru untuk menerima dakwahnya. Pendakwah haruslah bertingkah laku yang sesuai dengan akhlak sebagai seorang pendakwah. Masalah ini perlu diselesaikan dengan secepat mungkin kerana pendakwah adalah merupakan pendukung dakwah. Seandainya pendukung dakwah bermasalah, sudah pasti hasil dakwahnya kurang berkesan dan mendatangkan persepsi yang tidak baik.

4.2.3 Masalah Pendakwah dengan Institusi Dakwah

Pendakwah merupakan aset penting dalam usaha melaksanakan aktiviti dakwah. Pendakwah di dalam sesebuah institusi dakwah amat penting sebagai nadi penggerak aktiviti. Tanpa mereka, sukarlah aktiviti yang dirancang oleh institusi dakwah dapat

²⁴Temu bual dengan Md. Tahir Md. Yusoff di JAWI, jam 11:05 pagi, pada 22 Nov 2010.

²⁵*Ibid.*

dijalankan. Adapun masalah pendakwah berkaitan institusi dakwah kebiasaannya dikaitkan dengan pentadbiran.²⁶

Masalah dengan pentadbiran kebiasaannya terdapat dalam kalangan kakitangan tersebut yang tidak cekap untuk mengendalikan sesuatu aktiviti dakwah yang diprogramkan. Pentadbiran tersebut boleh mengganggu kelancaran perjalanan aktiviti dakwah terutamanya pentadbiran yang terlalu tidak menitikberatkan tatacara atau prosedur dengan mengabaikan atau mengurangkan perhatian terhadap matlamat dan penghasilan.²⁷

Pentadbiran yang sedemikian tidak sesuai diamalkan dalam gerakan dakwah. Kecepatan membuat keputusan dan mengambil sesuatu tindakan merupakan unsur penting bagi kejayaan sesuatu kegiatan aktiviti atau program dakwah yang dijalankan. Proses membuat keputusan dan mengambil tindakan yang berliku-liku serta terpaksa melalui banyak mesyuarat di peringkat pentadbiran akan mengurang kedinamikan gerakan dakwah secara keseluruhan. Sekiranya untuk memudahkan pelaksanaan sesuatu aktiviti tersebut terpaksa menghadapi kerenah pentadbiran seumpama itu, maka aktiviti ini akan kehilangan banyak nilai dakwahnya.²⁸

Sementara masalah berkaitan dengan kewangan pula iaitu pendakwah kekurangan peruntukan kewangan untuk berdakwah. Kekurangan kewangan dalam kalangan jentera dakwah merupakan satu masalah yang terpaksa ditanggung oleh institusi dakwah. Dengan adanya masalah sebegini, banyak aktiviti dakwah

²⁶Pentadbiran merupakan proses mengurus dan mengembangkan sesuatu program. Ia mesti mengambil berat cara-cara yang boleh menyumbang kepada peningkatan operasi program. Lihat Esther French & Nelson G. Lehsten (1973), *Administration of Physical Education for schools and Colleges*. New York: The Ronald press Company, h. 4. Manakala menurut Wan Azmi Ramli, pentadbiran ialah satu cara untuk menjayakan dasar dengan berkesan melalui penyelarasan serta penyeliaan segala pekerjaan yang hendak dibuat di samping tindakan yang diambil. Lihat Azmi Ramli (1981), *Pengurusan*, Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd, h. 160.

²⁷Md. Amin Ab. Rahim (2001), *Panduan Pendakwah Secara Praktikal*, Kuala Lumpur: Penerbit Darul Fikir Sdn. Bhd, h.155-156.

²⁸*Ibid.*

tidak dapat dijalankan dengan sempurna disebabkan kekurangan peruntukan kewangan. Aktiviti tersebut tidak dapat diperluaskan kerana ketidakmampuan untuk menggunakan alat-alat semasa untuk membantu gerakan dakwah. Hal ini menyebabkan tenaga pakar dalam bidang dakwah juga tidak dapat digunakan kerana penggunaan tenaga pakar memerlukan sejumlah wang yang agak banyak.²⁹

Namun, terdapat segelintir pendakwah atau mubaligh di Unit/Cawangan Saudara Baru/Muslim JAWI yang tidak memberi kerjasama dengan pihak urus setia semasa program dijalankan, ini disebabkan berlakunya ketidaksefahaman di antara mereka, tekanan kerja dan juga pelbagai tanggungjawab lain.³⁰

Menurut Md. Tahir bin Md. Yusoff, *pihak urus setia hendaklah peka dan memahami situasi pendakwah yang sentiasa berhadapan dengan pelbagai kerenah saudara baru yang datang dari berbagai bangsa dan agama, bahkan kadang-kadang menimbulkan masalah sama ada dalaman ataupun luaran.*³¹

Berdasarkan keterangan di atas, dapat disimpulkan bahawa terdapat empat masalah pendakwah yang berkaitan dengan institusi dakwah iaitu masalah pentadbiran yang tidak cekap, perancangan dakwah terabai, masalah kekurangan peruntukan kewangan dan salah faham di antara satu sama lain. Hal ini haruslah diatasi dengan sebaik mungkin untuk mewujudkan hubungan yang baik iaitu ikatan *ukhūwah* di antara pihak pendakwah dan pengurusan supaya dapat bekerjasama untuk membina semangat bagi merencanakan lagi aktiviti dakwah yang sedia ada dan menjadikan institusi dakwah ini sebagai institusi yang mantap dan efisien.

²⁹Ab. Aziz Mohd. Zin *et. al* (2006), *Dakwah Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 140.

³⁰Temu bual dengan Mohamad Ab. Rahman di JAWI, jam 11:05 pagi, pada 24 September 2009.

³¹Temu bual dengan Md. Tahir Md. Yusoff di JAWI, jam 11:05 pagi, pada 22 Nov 2010.

4.4 Masalah Berkaitan Penganjur

Aktiviti dakwah saudara baru yang dijalankan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Kuala Lumpur, amat aktif merangkumi pelbagai aspek untuk membangun saudara baru. Aktiviti dakwah yang dijalankan didefinisikan kepada tiga iaitu aktiviti pengisian ilmu, sambutan keagamaan dan kebajikan yang mampu membangun mental, fizikal dan rohani golongan tersebut.

Walau bagaimanapun, aktiviti atau program tersebut tidak akan terlepas dari masalah, sama ada masalah itu datang daripada pihak penganjur mahupun peserta. Meskipun masalah yang dihadapi tidak rumit dan kritikal, namun ia boleh mengganggu kelancaran pelaksanaan aktiviti dakwah yang dijalankan. Oleh demikian, pihak penganjur perlulah bersikap positif untuk mendapatkan alternatif yang terbaik bagi menghadapi masalah yang sedia ada dan bakal mendatang. Antara masalah yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

4.4.1 Masalah Kekurangan Pendakwah (Mubaligh)

Masalah kekurangan kakitangan penggerak di dalam satu pertubuhan atau institusi tertentu bukanlah satu masalah yang baru dihadapi, malah ia telah lama wujud.³² Begitulah situasi yang berlaku di JAWI.

Tugas sebagai pendakwah kurang mendapat sambutan kerana jawatan ini merupakan jawatan kontrak yang disambung tempoh perkhidmatan setiap dua tahun. Justeru, apabila mereka mendapat jawatan tetap atau kerja lain yang stabil secara tidak langsung mereka akan meninggalkan jawatan ini. Adapun kekurangan pendakwah

³²Lihat Ab. Aziz Mohd. Zin *et. al* (2006), *op. Cit.*, h. 280.

yang benar-benar komited sepenuhnya dengan aktiviti dakwah adalah satu masalah. Begitu juga masalah kekurangan pendakwah dan jumlah kakitangan terhad, kesan daripadanya berlaku pertindihan dalam melaksanakan tugas, ini juga mengganggu kelancaran aktiviti tersebut.³³

Menurut Md. Zanafi Mustafa, *masalah kekurangan kakitangan jika jumlah kehadiran saudara baru terlalu ramai dibandingkan dengan pendakwah hanya seberapa orang sahaja, ini sukar untuk menangani kerenah mereka dan boleh menyebabkan sedikit terjejas keberkesanan aktiviti dakwah walaupun wujud persefahaman sesama pendakwah.*³⁴

Kesimpulannya, kekurangan pendakwah atau mubaligh boleh menyebabkan aktiviti dakwah tidak dapat dijalankan dengan baik dan sempurna. Ini kerana segala aktiviti yang dirangka memerlukan gerak kerja yang mencukupi serta individu yang boleh menguruskan sesuatu perancangan dengan baik dan bersistematik. Akibat dari pembahagian kerja yang tidak mencukupi dan teratur akan menyebabkan segala aktiviti atau program yang dirangka tidak dapat dicapai dengan sebaik-baiknya.

4.4.2 Masalah Kewangan

Bagi Unit/Cawangan Saudara Baru/Muslim JAWI, amat memerlukan peruntukan kewangan yang sewajarnya daripada pihak pengurusan kewangan jabatan agar pentadbiran unit ini dapat berjalan dengan lancar. Pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang telah di draf seperti aktiviti pengisian ilmu, sambutan keagamaan dan kebajikan, tersebut memerlukan kemudahan yang dilengkapi dengan pelbagai peralatan, pengangkutan

³³*Ibid.*

³⁴Temu bual dengan Md. Zanafi Mustafa di JAWI, jam 11:05 pagi, pada 23 Mei 2010.

dan premis kerajaan seperti memberi ruang yang selesa untuk staf merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang telah di draf.³⁵

Sekiranya kekurangan peruntukan, kesannya banyak aktiviti tidak dapat berjalan dengan lancar dan berkemungkinan terabai. Begitu juga keadaan saudara baru yang serba daif dalam kebanyakan hal seperti lemah dalam pembacaan dan penulisan, kurang memahami hukum agama dan lain-lain lagi. Hal ini akan menyebabkan tertanggunya proses pelaksanaan yang memakan masa agak lama.³⁶

Bagi staf yang bertugas iaitu mubaligh dan juga pendakwah jemputan, mereka dibayar elaun atau sagu hati yang telah ditetapkan jumlahnya. Hal ini memerlukan peruntukan kewangan bagi menjayakan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang. Demikian lagi, sebahagian besar dalam kalangan saudara baru bergantung pada bantuan yang diberikan, namun kadar yang diberikan adalah berdasarkan kepada ketetapan peruntukan yang terhad maka mereka dicadangkan agar mencari alternatif lain untuk menstabilkan kewangan mereka dan mendapatkan bantuan dari pelbagai badan-badan kebajikan, orang perseorangan dan sebagainya.³⁷

Kesimpulannya, untuk menjayakan dan melancarkan aktiviti dakwah tidak dapat tidak ia memerlukan satu peruntukan kewangan yang besar. Hal ini perlu diberi perhatian oleh pihak Pengurusan Kewangan Jabatan kerana kejayaan dan kegagalan pelaksanaan aktiviti dakwah terletak di bawah peruntukan kewangan mereka.

³⁵Temu bual dengan Khairunnisak Ab. Halim di JAWI, jam 11:00 pagi, pada 23 Mei 2010.

³⁶*Ibid.*

³⁷*Ibid.*

4.5 Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa terdapat masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan aktiviti dakwah terhadap saudara baru di JAWI, namun masalah-masalah tersebut tidaklah begitu besar dan rumit kerana JAWI amat prihatin dan sentiasa kemas kini dalam sesuatu aktiviti yang diprogramkan. Lantaran itu, setiap masalah yang dihadapi tidak seharusnya di anggap sebagai batu penghalang kepada aktiviti dakwah, bahkan ia perlu dianggap sebagai satu cabaran dan juga batu loncatan untuk institusi ini bertapak dan melangkah jauh lebih maju daripada apa yang ada kini.

Apatah lagi golongan ini merupakan golongan yang berisiko tinggi, adalah suatu perkara yang agak sukar untuk mencapai suatu tahap yang dikatakan sempurna dan bebas daripada apa jua bentuk masalah. Justeru itu, untuk memecahkan segala masalah yang dihadapi perlu dilakukan tindakan segera agar aktiviti ini lebih kreatif dan inovatif serta mengambil pendekatan terbaik yang bersesuaian dan efisien dengan keadaan semasa.